

Oleh Rosniza Mohd Taha  
yoniza@bh.com.my

► Nilai

# Konsortium penyelidikan sains Islam

**K**onsortium Institusi Pengajian Tinggi Islam bagi Kualiti Akademik dan Penyelidikan Lanjutan (i-IQRA') memohon geran penyelidikan RM15 juta bagi memartabat penyelidikan sains Islam.

Penyelaras i-IQRA' yang juga Dekan Fakulti Kepemimpinan dan Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Dr Zulkiple Abd Ghani, berkata antara lain, geran itu akan dimanfaatkan bagi menubuhkan Kursi Profesional yang memfokuskan penyelidikan kepemimpinan Islam.

Katanya, profesor terna- ma dalam bidang berkenaan akan dilantik sebagai penyandang kursi berkenaan dan memainkan peranan penting menerajui

projek penyelidikan impak tinggi.

## Geran jangka panjang

"Kami memohon geran penyelidikan jangka panjang dengan sasaran utama membantu institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) lebih aktif dalam bidang penyelidikan.

"Status permohonan geran masih dalam pertimbangan dan kami difahamkan konsortium ini layak menerima geran hingga RM15 juta.

"Kami harap mendapat kelulusan nilai maksimum itu bagi merencanakan aktiviti penyelidikan sains

Islam," katanya ketika ditemui selepas Majlis Perasmian i-IQRA' di USIM, di sini, baru-baru ini.

## Bengkel wakaf

Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan, Prof Datuk Dr Morshidi Sirat melancarkan konsortium itu.

Turut hadir Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Asma

Ismail dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Datuk Dr Musa Ahmad.

Zulkiple berkata, konsortium berkenaan sudah menganjurkan Bengkel Pembiayaan Wakaf dan Seminar Serantau Institusi Pengajian Tinggi Islam menerusi kerjasama USIM, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei dan Institut Studi Islam Darussalam, Gontor, Indonesia.

Katanya, semua IPT awam dan IPTS yang mempunyai jabatan atau fakulti pengajian Islam dijemput menyertai konsortium itu.



**Prof Dr Asma** (kiri), Prof Dr Morshidi dan Dr Musa melihat risalah IQRA' pada Majlis Pelancaran Consortium of Islamic Institutions of Higher Learning for Academic Quality and Research Advancement di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM, Nilai.

[FOTO IQMAL HAQIM ROSMAN / BH]